

04/11/2003

Abdullah dijangka teruskan dasar ekonomi

PENGUMUMAN bahawa portfolio Menteri Kewangan akan terus dipegang oleh Perdana Menteri, memberi keyakinan kepada pelbagai pihak bahawa dasar kewangan dan ekonomi sedia ada akan diteruskan.

Kalangan pakar ekonomi dan penganalisis juga berpendapat Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mampu memikul tanggungjawab sebagai Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan dengan berkesan.

Ketua Operasi RAM Consultancy Services Sdn Bhd, Dr Yeah Kim Leng, menyifatkan pengambilalihan portfolio Perdana Menteri dan Menteri Kewangan oleh Abdullah itu sebagai kesinambungan penting.

Katanya, peralihan portfolio kewangan itu juga tidak akan menjejaskan kemasukan pelaburan asing (FDI) dan unjuran pertumbuhan ekonomi negara.

Beliau juga yakin Abdullah akan terus melaksana dan mengguna pakai dasar kewangan yang sedia ada dalam memacu pertumbuhan ekonomi negara pada masa depan.

"Beliau dijangka meneruskan dasar yang digubal dan diguna pakai oleh Tun Dr Mahathir dan saya tidak melihat akan ada perubahan ketara dasar kewangan negara dalam tempoh terdekat.

"Bagaimanapun apa yang dijangka mencabar beliau ialah untuk mencapai sasaran bajet berimbang selepas 2005," katanya ketika dihubungi Berita Harian di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas pengumuman bahawa Abdullah akan terus memegang portfolio Menteri Kewangan yang diambil alihnya daripada Dr Mahathir.

Yeah berkata, Abdullah dijangka terus memegang portfolio itu sehingga menemui calon yang sesuai untuk memegang jawatan menteri kewangan, kemungkinan selepas pilihan raya.

Ketua Ekonomi Mayban Securities Sdn Bhd, Zulkifli Hamzah, berkata Abdullah dijangka terus mengekalkan dasar kadar faedah dan tukaran asing yang ketika ini berada pada tahap kompetitif.

Beliau berkata, pengalaman luas dalam perkhidmatan kerajaan turut memberi kelebihan kepada Abdullah untuk memikul tanggungjawab sebagai Menteri Kewangan dengan baik.

"Langkah yang ada sekarang masih dalam kawalan dan kami yakin beliau mampu meneruskan dasar kewangan sedia ada untuk terus meletak Malaysia pada landasan kukuh.

"Dengan sokongan padu daripada penasihat yang berkaliber, Perdana Menteri dijangka mampu menguruskan portfolio kewangan dengan baik dan berkesan," katanya.